



## **ANUGERAH SAINS SABAH 2023**

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah mempelawa pencalonan untuk anugerah -anugerah berikut:-

1. **Anugerah Saintis Sabah**

Pengiktirafan terhadap kerja, sumbangan, dan pencapaian cemerlang saintis Sabah dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R & D) sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

2. **Anugerah Innovator Sabah**

Pengiktirafan terhadap penghasilan inovasi berimpak tinggi dan memberi faedah kepada masyarakat dan negeri.

3. **Anugerah Teknologis Sabah**

Pengiktirafan terhadap penghasilan teknologi yang memberi manfaat dan meningkatkan produktiviti industri.

4. **Anugerah Sekolah Inovasi (Rendah)**

Mengiktiraf kecemerlangan dan pencapaian sekolah rendah melalui pembudayaan penggunaan sains, teknologi dan inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) oleh setiap warga sekolah rendah bagi memenuhi keperluan serta membantu dalam meningkatkan pengalaman dan pembelajaran pelajar di sekolah rendah.



#### 5. **Anugerah Sekolah Inovasi (Menengah)**

Mengiktiraf kecemerlangan dan pencapaian sekolah menengah melalui pembudayaan penggunaan sains, teknologi dan inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) oleh setiap warga sekolah menengah bagi memenuhi keperluan serta meningkatkan pengalaman dan pembelajaran pelajar di sekolah Menengah.

#### ✚ **HADIAH ANUGERAH**

Anugerah ini menyediakan wang tunai berjumlah RM15, 000.00, plak dan sijil penghargaan bagi setiap satu kategori.

#### ✚ **KRITERIA KELAYAKAN PENCALONAN**

##### **Kategori Individu**

1. Mestilah berumur 18 tahun ke atas dan warga tempatan Sabah atau Warganegara Malaysia yang telah bermastautin tidak kurang dari 20 tahun;
2. Pencalonan dihadkan kepada satu kategori sahaja bagi setiap individu;
3. Calon tidak mempunyai talian persaudaraan dengan mana-mana panel penilai;
4. Projek/Penyelidikan dijalankan di Malaysia;
5. Projek/Penyelidikan asli, cemerlang dan menyumbang kepada kemajuan sains, inovasi dan teknologi, sosioekonomi dan perindustrian negeri Sabah;
6. Hasil projek/Penyelidikan yang dikemukakan mestilah telah pernah diterbitkan sebelum tarikh pencalonan;
7. Penyertaan selepas tarikh tutup tidak akan diterima;



8. Pihak penganjur berhak menarik pengiktirafan anugerah sekiranya calon mempunyai rekod jenayah;
9. Dokumen yang tidak lengkap tidak akan dilayan; dan
10. Keputusan panel penilai adalah muktamad dan sebarang bantahan/rayuan tidak akan dilayan.

#### **Kategori Sekolah**

1. Pencalonan sekolah perlu mendapatkan perakuan dari Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Pendidikan Negeri Sabah;
2. Hasil inovasi haruslah merangkumi pengurusan dan pembangunan sekolah, kemahiran guru, kemenjadian pelajar, dan penggunaan Sains, teknologi, kreativiti dalam PdPc yang relevan dengan kehendak semasa;
3. Pencalonan selepas tarikh tutup tidak akan diterima;
4. Dokumen yang tidak lengkap tidak akan dilayan; dan
5. Keputusan panel penilai adalah muktamad dan sebarang bantahan/rayuan tidak akan dilayan;

**\*\*Hanya pencalonan lengkap yang diterima **SEBELUM** atau **PADA 05 APRIL 2023 (Rabu)** yang akan dinilai.**

#### **NOTA:**

Sebarang pertanyaan mengenai urusan pencalonan boleh menghubungi Puan Nemie binti Ridin - 088-288328 EXT 159 / Puan Jennifer Amora - 088-288333 EXT 124 atau e-mel kepada [Maptis.official@gmail.com](mailto:Maptis.official@gmail.com)